

**PENGLIBATAN BADAN BUKAN KERAJAAN (*NGO*) DALAM
*LOCAL AGENDA 21.***

KAJIAN KES : MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA

TUAN MOHD FAIRUZ BIN TUAN ABDULLAH

**Projek Sarjana Muda ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

15 MEI 2006

ABSTRAK

Local Agenda 21(LA21) merupakan satu tindakan khusus diperingkat tempatan dalam mencapai pembangunan mampan. Terdapat empat tapak perintis *LA21* di Malaysia iaitu Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Daerah Kerian dan Majlis Bandaraya Miri. Kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya dipilih sebagai salah satu daripada tapak perintis *LA21* terawal di Malaysia dan juga merupakan kes kajian ini. *LA21* menuntut kepada kerjasama antara PBT, pihak swasta dan masyarakat termasuklah Badan Bukan Kerajaan (*NGO*). Bagi mewujudkan kemampanan dalam *LA21*, kumpulan utama adalah sangat perlu digunakan (*utilised*) dan perlu dimaklumkan dengan perkara-perkara yang mempengaruhi secara langsung kualiti hidup dan kesejahteraan. Hasil daripada beberapa isu dan masalah, berdasarkan pelaksanaan program *LA21* iaitu penglibatan *NGO* adalah tidak menyeluruh, tiada mekanisme atau saluran yang jelas, kurangnya perhatian dan kefahaman di kalangan *NGO* dalam aspek berkaitan dengan perancangan dan kelemahan dalam mengembeleng input kepakaran dan teknikal. Maka kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penglibatan *NGO* dalam *LA21* PJ, antara kumpulan *NGO* yang dikaji iaitu mewakili golongan wanita, kanak-kanak/ belia, usahawan/ industri, *NGO*, pekerja/ buruh, saintis/ teknokrat, petani dan pribumi. Hasil maklumat yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan teknik penentuan nilai menggunakan pemberat (*weightage*) seperti skor dan wajaran turut digunakan berdasarkan indikator utama iaitu tahap penyertaan *NGO*, mekanisme yang digunapakai dan keupayaan *NGO* dalam menjayakan proses *LA21*. Hasil penemuan di kawasan kajian mendapati tahap penyertaan *NGO* dalam pelaksanaan *LA21* PJ adalah berada ditahap sederhana. Manakala mekanisme yang digunakan dan tahap keupayaan *NGO* turut berada ditahap sederhana. Beberapa cadangan turut dikenalpasti bagi meningkatkan penyertaan *NGO* iaitu penumpuan bagi meningkatkan peranan dan fungsi Jawatankuasa *LA21* dalam menjelaskan dan mengaktifkan penyertaan serta program. Bagi meningkatkan tahap mekanisme dan saluran yang digunapakai dalam *LA21*, pengkaji mencadangkan supaya penyediaan satu program jangka panjang dan berterusan melalui pendekatan yang mantap menerusi pelan tindakan dengan mengintegrasikan program melalui penglibatan kerajaan, swasta dan masyarakat termasuklah *NGO*. Manakala untuk meningkatkan keupayaan dalam *LA21* pengkaji mencadangkan kumpulan utama perlu diterima sebagai rakan perkongsian dalam pelaksanaan *LA21* dengan rundingan yang tepat pada waktunya, capaian maklumat dan penglibatan yang bermakna.

ABSTRACT

LA21 is an action plan at local level in achieving sustainable development. There are four LA21 pilot projects in Malaysia namely Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Daerah Kerian and Majlis Bandaraya Miri. MPPJ was selected to be the first pilot project in Malaysia and also a case for this project. LA21 seeks cooperation from amongst the Local Authority, private sector and community including NGOs. To create sustainability in LA21, a priority group must be utilized and given all the information needed that influences directly the quality of life and harmony. Outcome from the various problems and issues based on the implementation of LA21 is not generalised, no mechanism or clear channel, less focus and no mechanism or clear channel, less focus and understanding amongst the NGOs in planning aspects and weaknesses in the collaboration of technical and specialist input Therefore the purpose of this survey is to evaluate the level of involvement of NGOs in LA21 PJ, amongst the NGOs surveyed are those representing women, children/youth, entrepreneurs/industry, NGO, worker/labourer, scientist/technocrats, farmers and pribumi. The outcome obtained was then analysed by using justification assessment technique using weightage such as score and justification based on indicator that is NGOs participation level mechanism used and capability of NGOs in making the LA21 a success. Outcome of the survey found that the level of participation of NGOs in the implementation of LA21 were at medium level. Where as the mechanism used and level of capability were also at medium level. Few proposals were identified to improve the level of NGOs participation i.e. focus on improving the role and function of the LA21 committee in stating and encouraging active participation. To improve the mechanism level and channel being used in LA21, researches proposed to draw up a long term on going programme through an action plan by integrating the programmes through the involvement of the government, private sector and the community including the NGOs. Whereas to increase the level of capability in LA21 researchers proposed the priority group be accepted as a joint partner in the implementation of LA21 with discussions/negotiations.